

06 JUL 2002

DR MAHATHIR MUNGKIN LANTIK MENTERI KEWANGAN SEBELUM BERSARA

Oleh: Zulkefli Salleh

BANGKOK, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan melantik seorang menteri kewangan sebelum beliau mengundurkan diri pada Oktober tahun depan.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya pada jamuan tengah hari perniagaan di sini, sama ada beliau akan melantik menteri kewangan kedua untuk membantu beliau dalam tempoh peralihan kuasa sebelum persaraan beliau.

"Saya akan lantik seseorang dan tidak menolak kemungkinan melantik seorang menteri penuh (Kewangan). Tetapi saya tidak akan beritahu anda siapa (dia)," katanya pada sesi soal jawab pada majlis itu.

Dr Mahathir memegang jawatan Menteri Kewangan selepas Tun Daim Zainuddin meletakkan jawatan pada 1 Jun tahun lepas. Dr Mahathir telah mengumumkan pada ketika itu bahawa beliau akan memegang jawatan itu hanya untuk sementara sehingga orang lain dilantik.

-- BERNAMA

ZS NM HS RHM